

Taktik 'Awang Hitam' gagal

Warga asing mengaku bapa seorang duta elak ditahan polis

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bharian.com.my

BIA 24/6/12 MS 20


● SAIFULLIZAN TAMADI | BERITA MINGGU

KUALA LUMPUR: "Bapa saya duta... lebih baik awak lepaskan saya," dakwa seorang lelaki warga Nigeria ketika ditahan dalam serbuan Jabatan Imigresen tengah malam kelmarin.

Bagaimanapun taktik "Awang Hitam" itu yang sedang menunggu siaran langsung suku akhir Euro 2012 antara Jerman dan Greece bersama beberapa rakannya di sebuah restoran di Metro Prima, Kepong, gagal melepaskan diri daripada tindakan pihak berkuasa apabila dia ditahan kerana tidak memiliki dokumen perjalanan sah.

Selain restoran itu, Imigresen Kuala Lumpur dan Selangor yang menjalankan operasi bersama bermula jam 11 malam turut menyerbu beberapa lokasi sekitar Desa Aman Puri di Bandar Sri Damansara yang menjadi tumpuan warga asing.

Keseluruhannya seramai 35 warga asing ditahan dengan 19 daripada adalah lelaki warga Nigeria, lima lelaki Myanmar dan Bangladesh, selain enam wanita



WARGA asing yang ditangkap pada Operasi Imigresen di Metro Prima, Kepong, semalam.

dari Thailand, Indonesia dan Uganda.

Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Imigresen Kuala Lumpur, James Musa Singa, berkata operasi malam kelmarin tertumpu di restoran dikendalikan warga Afrika selain kawasan yang

menjadi tumpuan warga asing.

Katanya, pemeriksaan mendapati warga Afrika yang menguasai restoran terbabit menggunakan lesen rakyat tempatan yang dibuka khusus untuk menarik kedatangan warga negara berkenaan yang ramai di kawa-

san itu.

"Dalam operasi ini, kita menyerbu tiga restoran dikendalikan warga asing yang menjadi tumpuan warga negara berkenaan setiap malam sehingga menimbulkan rasa tidak selesa masyarakat setempat," katanya.